




CHIT CHAT WITH CAREER COUNSELLOR SIRI 1/2022 : RESUME : WHAT DO YOU NEED TO KNOW



Program Chit Chat with Career Counsellor siri 1 telah diadakan pada 19 Mei 2022 secara langsung di platform Facebook Career and Counselling Center. Program siri pertama ini berfokuskan penghasilan resume yang tepat dan berkualiti serta telah disampaikan oleh Pegawai Psikologi dari Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Encik Mohamad Hady bin Azman.

Program ini sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan hasil dari topik-topik yang sesuai dengan pembangunan kerjaya pelajar. Seramai 62 penonton diperoleh sewaktu program ini berlangsung.



PROGRAM LALUAN KERJAYA: JOM BUAT PROFIL MYNEXT SIRI 1/2022



Program Laluan Kerjaya: Jom Buat Profil Mynext Siri 1/2022 ini diadakan pada 24 Jun 2022 (Jumaat) jam 2.45 petang - 5.00 petang melalui platform Zoom.

Penceramah program iaitu Encik Ardi Gunsuh yang merupakan Lead, Campus Engagement Graduate & Emerging Talent (GET) dari Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah membuat pengisian untuk program berkenaan.

Moderator pula adalah pelajar semester 1 Fakulti Undang-Undang iaitu Cik Nur Zafira Farhanah Roslan.

Seramai 43 peserta yang terdiri daripada Pelajar Fakulti Undang-Undang telah menghadiri program ini. Antara objektif program ini dijalankan adalah bertujuan untuk membantu para pelajar mencapai kesedaran berkenaan hala tuju kerjaya sejak diperingkat awal pengajian melalui Profil Mynext yang dibangunkan oleh TalentCorp.

Program ini dijangka dapat membantu Universiti Teknologi MARA mencapai matlamat strategik GRU 2025 melalui salah satu tema strategik iaitu dengan mencapai sasaran 90% kebolehpasaran graduan pada tahun 2025.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

 03 - 5544 2630/2379/3211/3496
 pkk@uitm.edu.my